

Headline	Undang undang alam sekitar diberi nafas baharu		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	08 Sep 2015	Color	Black/white
Section	TEMPATAN	Circulation	37,981
Page No	3	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	273 cm <sup>2</sup>
Journalist	FENNY SILONG	AdValue	RM 893
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,679



# Undang-undang alam sekitar diberi 'nafas baharu'

.....  
**FENNY SILONG**

**KUCHING:** Undang-undang berkaitan dengan alam sekitar yang digubal pada tahun 1980-an akan dikaji semula supaya relevan dengan situasi semasa, kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato Sri Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Santubong menjelaskan, undang-undang berkenaan dikaji ekoran banyak penemuan alam semula jadi di negara ini namun tidak dapat dikomersialkan kerana terikat dengan peraturan terbabit.

"Arahan telah diberikan kepada ketua pengarah di bawah kementerian saya untuk mengkaji lima atau enam undang-undang agar diberi nafas baharu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media ketika ditanya mengenai harapan kementerian-

nya pada pembentangan Bajet 2016 selepas majlis Penyerahan Cek Projek Kecil Luar Bandar (MRP) berjumlah RM60,000 kepada 23 buah Pertubuhan dan Persatuan Parlimen Santubong di sini, semalam.

Katanya, seperti undang-undang di bawah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang hanya tertumpu kepada pencarian produk kayu sahaja dan tidak dikongsi dengan penggiat industri menerusi undang-undang sedia ada.

"Justeru, menerusi kajian undang-undang FRIM nanti, kita berharap agar penemuan sumber asli yang baharu dapat dikongsi dengan penggiat industri di negara ini.

"Saya juga berharap agar para penyelidik diberi insentif tertentu dalam kajian mereka," tegasnya.

Junaidi juga mengatakan, harapan Bajet 2016 untuk

kementeriannya ialah membangunkan industri galian dan sumber asli dengan memberi lebih tumpuan kepada kerja-kerja Penyelidikan dan Pembangunan (R&D).

"Oleh itu, saya mencadangkan supaya pusat penyelidikan untuk kayu jenis aksia ditubuhkan di Sarawak sekali gus menjadi pusat penyelidikan kepada negara ASEAN.

"Ini kerana, kayu aksia boleh menjadi industri hiliran apabila banyak ditanam di negeri ini yang seluas 243, 000 hektar," ujarnya.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengajak rakyat untuk bersama-sama memberikan cadangan sebelum 15 September ini untuk dimasukkan dalam Bajet 2016 yang akan dibentangkan di Parlimen, 23 Oktober nanti.

Hadir sama, Pemanca Haji Rashidi Junai dan Penghulu Sidek Sitam.



**GERAN ...** Dato Sri Wan Junaidi Tuanku Jaafar menyerahkan geran MRP kepada wakil salah sebuah persatuan di kawasan Parlimen Santubong di Kuching, semalam.